

RM700j laksana projek hakisan, tebatan banjir



G. Palanivel (kanan) bersama Nancy Shukri dan pegawai Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berbincang semasa melakukan lawatan kerja ke kawasan tebing sungai di Gedong, Simunjan, Batang Sadong, Sarawak, semalam.

BATANG SADONG 19 Sept. - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menghantar permohonan untuk mendapatkan peruntukan mencecah RM700 juta bagi melaksanakan pelbagai projek perlindungan hakisan tebing sungai, tebatan banjir dan saliran di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).

Menterinya, Datuk Seri G. Palanivel berkata, peruntukan itu diperlukan untuk melindungi masyarakat setempat yang menetap di sekitar tebing sungai yang mengalami hakisan kritikal dan merbahaya.

Beliau berkata, sebagai contoh, kementeriannya telah meluluskan peruntukan segera berjumlah RM30 juta bagi projek pembinaan benteng penahan hakisan di empat kawasan dalam Parlimen Batang Sadong.

"Di bawah projek ini, kita membina benteng perlindungan hakisan sungai sepanjang kira-kira 300 meter di sepanjang Sungai Batang Sadong di sini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke kawasan tebing sungai di Gedong di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merang-

kap Ahli Parlimen Batang Sadong, Nancy Shukri; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simunjan, Datuk Naroden Majais dan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Zol Azha Yusof.

Mengulas lanjut, Palanivel berkata, bagi rancangan projek perlindungan hakisan tebing sungai dalam RMK-11, pihaknya akan mengemukakan kertas cadangan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri untuk tujuan kelulusan nanti.

Sementara itu, Nancy berkata, menerusi peruntukan segera berjumlah RM30 juta itu, masalah hakisan tebing sungai yang membenggu masyarakat setempat sejak lebih 20 tahun lalu akan dapat diselesaikan.

"Buat masa ini, seramai 42,400 penduduk di sekitar daerah Simunjan terpaksa berdepan ancaman bahaya memandangkan hakisan tanah yang berlaku terlalu hampir dengan kediaman mereka.

"Masalah ini sebenarnya sudah lama berlarutan dan keadaan makin teruk sejak beberapa tahun lalu sehingga kira-kira 0.808 hektar tanah di tebing sungai terhakis dalam tempoh setahun," ujarnya.